

JUDUL : Utusan Malaysia

TARIKH : Selasa, 5 April 2016

M/S : 21



**KHAIRIL AWANG** bertanyakan sesuatu kepada salah seorang pelajar yang mengikuti program bacaan sempena pelancaran Kem Membaca 1Malaysia 2016 Peringkat Kebangsaan di SMK Sultanah Engku Tun Aminah di Johor Bahru, Johor, semalam.

## LMM bentuk masyarakat analitikal

Oleh ZULHISHAM ISAHAK  
pengarang@utusan.com.my

**JOHOR BAHRU 4 April** - Lebih 20,000 peserta mengikuti program Literasi Maklumat dan Media (LMM) sejak diperkenalkan pada 2011 hingga kini yang bertujuan mendidik masyarakat menjadi analitikal dalam menerima maklumat di internet.

Program anjuran Bahagian Gerakan Literasi Maklumat Perpustakaan Negara itu sebelum ini melibatkan 170 sesi dengan penyertaan lebih 500 institusi dan organisasi dari seluruh negara dalam membentuk masyarakat yang cekap maklumat.

Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Maizan Ismail berkata, program LMM akan terus dikembangkan kerana lambakan maklumat di internet ketika ini menyukarkan dan mengelirukan masyarakat untuk mendapatkan informasi sahih.

"Program LMM sebelum ini hanya menyasarkan golongan pelajar dan dalam tahun ini kita akan perlu luaskan lagi dalam kalangan penjawat awam. Sasaran kita pada setiap tahun ialah lebih 5,000 peserta akan mengikuti program LMM."

"Bagi memperoleh dan menjana maklumat berkualiti, kemahiran literasi maklumat perlu didedahkan kepada masyarakat agar hanya fakta yang diakui benar sahaja digunakan untuk membina kemajuan sahsiah diri dan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas pelancaran Kem Membaca 1Malaysia 2016 Peringkat Kebangsaan yang disempurnakan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan), Datuk Seri Khairil Awang di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultanah Engku Tun Aminah di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah Pembangunan Teknologi Kementerian Pendidikan, Teoh Boon Hai dan Pengarah Pendidikan negeri, Aminudin Adam.

Maizan berkata, sasaran utama pihaknya selepas ini adalah pelajar sekolah menengah dan penjawat awam selain golongan profesional menerusi tiga modul yang terdapat dalam program LMM iaitu Asas, Pertengahan dan Lanjutan.

"Menerusi Asas kita dekati golongan pelajar di sekolah menengah dan masyarakat kampung manakala Pertengahan pula melibatkan penjawat awam dan Lanjutan pula kepada golongan profesional contohnya doktor dan peguam," katanya.